

NAMA MURID :
TAHUN :
Tema : **MANFAATKAN KEMAJUAN TEKNOLOGI**
Tajuk : **PENGESAN PENYAKIT DENGGI (Unit 27)**
Tarikh pdpr : **6 SEPTEMBER 2021 , Isnin**
Masa pdpr : **8:00-9:30 pagi**
Pautan Offline :
Kemahiran : Membaca

Standard Kandungan

- 2.4 Membaca dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat daripada pelbagai bahan untuk memberikan respons dengan betul.
- 3.7 Menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan betul.

Standard Pembelajaran

- 2.4.2 Membaca dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat untuk membuat rumusan dengan betul.
- 3.7.2 Menghasilkan penulisan imaginatif dan deskriptif dengan bahasa yang menarik.

Objektif Pembelajaran :

Di akhir pembelajaran murid dapat :

- I. Membaca dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat untuk membuat ulasan dengan betul.
- II. Menghasilkan penulisan imaginatif dan deskriptif dengan bahasa yang menarik.

TUGASAN 1

BACA PETIKAN DAN FAHAMI MAKNA PERKATAAN YANG DIKOTAKKAN.



Membaca

Pengesan Penyakit Denggi

Kejayaan negara dalam bidang bioteknologi amat membanggakan. Kemajuan dalam bidang ini telah membantu ahli sains menghasilkan produk yang sangat bermanfaat kepada pengguna. Produk yang dihasilkan diiktiraf bukan sahaja oleh masyarakat Malaysia tetapi juga masyarakat dunia. Antara produk yang dihasilkan menerusi kemajuan bioteknologi termasuklah pengesan penyakit denggi.

Prof. Ir. Dr. Fatimah binti Ibrahim, seorang jurutera bioperubatan telah mereka cipta satu platform yang dapat mengesan kehadiran virus denggi dengan hanya menggunakan sekeping cakera padat. Cakera padat ini dilengkapi dengan teknologi pengesan nano. Ciptaan beliau ini bukan sahaja merupakan yang pertama di Malaysia, malahan di dunia.

Untuk menggunakan kaedah pengesanan ini, sedikit sampel darah pesakit perlu diambil. Darah hanya diambil di hujung jari pesakit seperti saringan ujian diabetes. Kemudian, darah pesakit perlu dititiskan di atas cakera padat. Cakera padat ini mempunyai beberapa saluran lain yang sudah dimasukkan dengan cairan tertentu. Cairan ini dapat mengenal pasti dan mengasingkan virus dalam masa yang singkat.

Jika sampel darah yang sama diuji dengan kaedah ELISA, tempoh yang diperlukan untuk mengenal pasti virus mengambil masa sehingga seminggu. Namun begitu, dengan menggunakan cakera padat tersebut, masa yang diperlukan hanyalah 30 minit. Keputusan yang diperoleh pula ialah 95 peratus tepat.

Selain itu, kaedah pengesanan ini jauh lebih murah berbanding dengan kaedah konvensional. Kaedah ini tidak memerlukan kelengkapan makmal yang mahal serta ruang yang besar. Kaedah ini hanya memerlukan pemain cakera khas yang kecil dan dapat dipindahkan ke mana-mana. Kos pengeluaran bagi alat pemain cakera ini kurang daripada RM1000.00.



Sumber: www.kosmo.com.my

Maklumat !

ELISA atau *enzyme-linked immunosorbent assay* ialah ujian yang menggunakan antibodi dan perubahan warna untuk mengenal pasti unsur.



Aktiviti

• Membuat rumusan berdasarkan bahan.

• Murid membaca dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat.

56



PK: Nilai Murni – Berdaya usaha
Strategi P & D

Scanned with CamScanner

TUGASAN 2

SUSUN FRASA MENJADI ULASAN YANG GRAMATIS MENGIKUT TEKS RANGSANGAN .

Selain itu, cakera padat ini dilengkapi teknologi pengesan nano ini memerlukan hanya sampel darah pesakit yang dititiskan ke atas cakera tersebut.

Petikan menerangkan tentang ciptaan 'Pengesan penyakit Denggi' untuk kegunaan pihak kesihatan.

Kesimpulannya, ciptaan pengesan penyakit denggi ni bukan sahaja kompleks, ringkas, mudah, murah ia juga membantu pihak kesihatan dalam menangani kes demam denggi.

Malah, pengesan penyakit denggi ini lebih cepat dan murah dibandingkan kaedah lama yang memerlukan masa keputusan seminggu dan harga yang mahal.

Di samping itu, pengesan penyakit denggi ini lebih tepat lebih 95 peratus serta harga kos pengeluarannya tidak kurang daripada RM 1000.00

Pengesan penyakit denggi ini dicipta oleh Prof,Ir, Dr. Fatimah binti Ibrahim , untuk mengesan virus denggi dengan menggunakan sekeping cakera.sahaja.

TUGASAN 3

SUSUN FRASA AYAT DIBERIKAN MENJADIKAN IA SEBUAH KARANGAN
AUTUBIOGRAFI LENGKAP.

• Pendahuluan

- tablet berjenama terkenal
- dihasilkan di sebuah kilang di Malaysia
- cantik dan istimewa
- menjadi idaman ramai
- dipamerkan di kedai alat telekomunikasi

• Ciri-ciri

- dilengkapi pelbagai aplikasi terkini
- mesra pengguna
- skrin sesentuh sensitif
- nipis dan ringan
- menggunakan sistem pemprosesan canggih

• Fungsi

- melayari Internet
- berinteraksi di jaringan sosial
- menerima dan membuat panggilan telefon
- merakamkan gambar dan video
- mengirimkan dan menerima e-mel

• Kebaikan

- memudahkan pembelajaran
- memudahkan perbincangan
- memudahkan pencarian maklumat
- memudahkan perkongsian maklumat
- menghilangkan kebosanan

Hampir bertahun-tahun aku berkhidmat kepada tuanku. Memandangkan aku tablet yang lasak maka aku masih berguna kepada tuanku.

Wajahku cantik dan istimewa serta menjadi idaman ramai manusia.

Aku dihasilkan di sebuah kilang di Malaysia.

Selepas aku dilahirkan, aku dipamerkan di kedai alat telekomunikasi terkenal di pusat membeli belah.

Namaku Oppo dan aku ialah tablet berjenama terkenal .

Tubuhku mempunyai ciri-ciri yang dilengkapi pelbagai aplikasi terkini.

Di samping itu, aku digunakan untuk merakam gambar dan video untuk tugas tuanku.

Selain itu, aku sering digunakan tuanku untuk mengirim dan menerima e-mel daripada pensyarahnya dan rakan-rakan.

Malah , aku juga digunakan untuk menerima dan membuat panggilan telefon.

Sejak itu, aku digunakan untuk melayari internet dan berinteraksi di jaringan sosial.

Suatu hari, aku telah dibeli oleh seorang lelaki yakni seorang pelajar universiti dengan harga RM 1400.00.

Badanku nipis dan ringan serta otakku menggunakan sistem pemprosesan yang canggih.

Paling utama, aku mesra pengguna dengan wajah skrin sesentuh sensitif.

Aku memberikan kebaikan kepada tuanku seperti memudahkan pembelajaran, perbincangan, pencarian maklumat, pengkongsian maklumat dan juga dapat menghilangkan kebosanan.

--

--

--

--

--

--

--

--

--

--

--

--

--

--